



KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

ATURAN TABUNG KEBAJIKAN ANGGOTA (TKA)

1.0 TAJUK

- 1.1 Aturan ini adalah dinamakan Aturan TKA KoBPM (Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad) .
- 1.2 Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 9(1)(b) dan (4) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) ini dan Ketua Pendaftar.

2.0 TAFSIRAN

- 2.1 Di dalam aturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan berlainan maknanya maka tafsiran berikut adalah dipakai.
- 2.2 'TKA' adalah singkatan nama bagi Tabung Kebajikan Anggota.
- 2.3 'Derma' maknanya pemberian/sumbangan wang secara ikhlas yang dikeluarkan daripada TKA mengikut Aturan ini.
- 2.4 'Anggota' maknanya Anggota-Anggota yang telah sah diterima masuk menjadi Anggota mengikut Undang-undang Kecil Koperasi ini dan tidak pernah mungkir daripada mencarum kepada bayaran bulanan yurannya.
- 2.5 'Suami/isteri' maknanya suami atau isteri Anggota Koperasi ini yang sah di sisi undang-undang.
- 2.6 'ALK' maknanya Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi ini.
- 2.7 'Keluarga Anggota' termasuklah, isteri atau isteri-isterinya, anak-anaknya yang mana termasuk juga anak angkatnya yang sah disisi undang-undang dan anak-anak tirinya. Hak kelayakan umur bagi anak yang layak untuk mendapat bantuan adalah sehingga 25 tahun sekiranya masih belajar dan/atau didalam tanggungan keluarga/Anggota kecuali anak 'OKU'.

- 2.8 Anak OKU atau anak istimewa didalam konteks diatas (2.7) adalah anak yang masih didalam tanggungan Anggota selama hayatnya dan tidak mampu untuk menyara diri sendiri.
- 2.9 'JPKA' adalah singkatan nama Jawatankuasa Pengurusan dan Khidmat Anggota.
- 2.10 'KoBPM' adalah singkatan nama bagi Koperasi Bank Pertanian Malaysia Berhad.
- 2.11 'MAT' adalah singkatan kepada Mesyuarat Agung Tahunan.

3.0 TUJUAN

Tujuan TKA ini diwujudkan ialah untuk:

- 3.1 Membantu perbelanjaan mengurus kematian Anggota atau keluarga Anggota.
- 3.2 Menderma kepada Anggota yang ditimpa kemalangan / sakit yang mendapat rawatan wad / bencana alam / musibah dan lain-lain bencana yang dengan kerana itu Anggota mendapat keperitan/penderitaan tanggungan hidup.
- 3.3 Menderma kepada Anggota/anak-anak Anggota yang mencapai keputusan cemerlang di dalam peperiksaan UPSR/PT3/SPM/STPM termasuk bantuan perbelanjaan bagi kemasukan anak Anggota ke IPTA/IPTS samada secara Sepenuh Masa atau Separuh Masa.
- 3.4 Membantu Anggota yang dibersarakan atas sebab-sebab kesihatan.
- 3.5 Memberi bantuan persekolahan kepada anak-anak Anggota.
- 3.6 Menderma kepada Anggota yang mengalami keilangan kekal.
- 3.7 Sumbangan kepada Anggota beragama Islam untuk menunaikan Fardhu Haji buat kali yang pertama dilakukan oleh Anggota.
- 3.8 Bantuan kasut sukan kepada Anggota yang sudah tiada mempunyai anak yang bersekolah bagi menggantikan bantuan persekolahan KoBPM. Bantuan ini bagi membeli pakaian sukan terhad kepada tidak lebih daripada RM40.00 seorang/Anggota sekiranya mempunyai lebih dana.

4.0 PUNCA KEWANGAN

Kewangan bagi TKA ini adalah diperolehi dari:

- 4.1 Dari baki keuntungan bersih Koperasi pada tiap-tiap tahun dipindahkan kepada Tabung Pelajaran dan Kebajikan KoBPM sebanyak 10% sepertimana yang dibolehkan oleh Undang - Undang Kecil 72(1) (b) dan 72(2)(d) Koperasi ini.
- 4.2 Peruntukan Tahunan untuk Tabarruk.
- 4.3 Sumbangan atau derma daripada individu atau badan-badan dan institusi yang sah disisi undang-undang Malaysia.
- 4.5 Lain-lain peruntukan yang akan tentukan kemudian oleh pihak ALK jika sekiranya didapati jumlah tabung yang disediakan tidak dapat menampung jumlah atau saiz perbelanjaan yang perlu dikeluarkan dari tahun ke tahun.

5.0 PENTADBIRAN TABUNG

- 5.1 TKA ini akan ditadbirkan oleh JPKA yang dilantik oleh ALK di bawah Undang-undang Kecil 45(2)(w).
- 5.2 Hal Ehwal urus tadbir dan kuasa yang diperuntukkan oleh ALK sepertimana termaktub di dalam Terma dan Syarat JPKA adalah terpakai.

6.0 TAHUN KEWANGAN

Tahun Kewangan TKA ini hendaklah bermula pada 1 Mei dan berakhir pada 30 April tiap-tiap tahun.

7.0 PELABURAN

- 7.1 Jika ada lebihan dana ini, ALK boleh membenarkan Jawatankuasa Pelaburan (JPL) untuk membuat pelaburan pada mana-mana aktiviti yang difikirkan sesuai dan menguntungkan KoBPM.
- 7.2 Apa-apa hasil dari pelaburan ini hendaklah dimasukkan semula ke dalam TKA ini untuk digunakan bagi maksud dan tujuan-tujuan Tabung atau dilaburkan semula bagi menambahkan kewangan TKA ini.

8.0 KELAYAKAN MEMOHON

- 8.1 Anggota Koperasi ini yang telah menjadi Anggota selama satu (1) tahun dengan tidak putus-putus, adalah layak untuk memohon bantuan/derma dari TKA ini.

Walaupun bagaimanapun atas sebab-sebab kematian, bencana alam, musibah dan kemalangan Anggota, syarat ini dikecualikan.

- 8.2 Semua permohonan derma hendaklah dipohon dalam tempoh 100 hari dari tarikh satu - satu kejadian itu berlaku.
- 8.3 Anggota tidak boleh menuntut bahawa derma-derma di bawah TKA ini sebagai sesuatu haknya.
- 8.4 Bagi tujuan peraturan 3.6 kelayakan memohon ialah pemohon mestilah telah menjadi Anggota selama 5 tahun tidak putus-putus.

9.0 PERMOHONAN

- 9.1 Semua permohonan untuk mendapatkan bantuan derma dari TKA ini hendaklah dibuat di dalam borang yang disediakan oleh KoBPM.
- 9.2 Permohonan hendaklah disertakan dengan bukti/kenyataan yang sah yang boleh menyokong permohonannya itu sepertimana dilampiran 1 borang permohonan TKA (berlampir).

10.0 KADAR BANTUAN TKA

10.1 Kematian Anggota/orang	RM2,000.00
10.2 Kematian tanggungan keluarga Anggota seperti dalam tafsiran 2.6	RM 400.00
10.3 Bantuan pencapaian pelajaran Anak Anggota:	
10.3.1 Peperiksaan UPSR	RM 80.00
10.3.2 Peperiksaan PT3	RM 120.00
10.3.3 Peperiksaan SPM	RM 150.00
10.3.4 Peperiksaan STPM/STAM	RM 180.00
10.3.5 Bantuan Kemasukan ke IPTA/IPTS	
a. Sepenuh Masa	RM 400.00
b. Separuh Masa	RM 250.00

10.4 Meringankan sara hidup Anggota jika ditimpa kemalangan

atau bencana:-

a. Kos Kerugian > RM20K (maksima)	RM2,000.00
b. Kos Kerugian tidak > RM10K (maksima)	RM1,000.00
c. Kos Kerugian < RM10K (maksima)	RM 500.00
10.5 Bantuan Persekolahan Anak Anggota	RM 40.00
10.6 Sumbangan mengerjakan Fardhu Haji	RM 300.00
*10.7 Bantuan Gantian Kepada Bantuan Persekolahan	RM 40.00

Kadar yang boleh dibayar oleh JPKA/ALK kepada sesuatu permohonan itu bergantung kepada kedudukan kewangan TKA. Semua pembayaran tidaklah boleh melebihi had yang ditetapkan.

*Bagi item 10.7 bantuan akan dikeluarkan berdasarkan kecukupan peruntukan dana dan dihadkan kepada tidak lebih daripada RM40.00/Anggota yang layak.

11.0 MEMPROSES PERMOHONAN

- 11.1 Borang permohonan apabila diterima hendaklah diproses oleh JPKA.
- 11.2 JPKA ini hendaklah menentukan bahawa semua permohonan dibuat mengikut peraturan sebelum diperakukan kepada ALK.
- 11.3 Perakuan tersebut hendaklah dibuat di dalam borang yang disediakan oleh JPKA untuk keputusan ALK.

12.0 PEMBAYARAN

- 12.1 Semua pembayaran hendaklah dibuat dengan cek atau terus (online) ke akaun Anggota atau waris Anggota (didalam kes kematian Anggota) yang sah sahaja selepas menerima kelulusan daripada JPKA/ALK.
- 12.2 Bayaran hanya akan dibuat selepas dua (2) minggu daripada tarikh ALK mengadakan mesyuarat bagi bulan berkenaan, kecuali bayaran derma untuk kematian yang mana boleh, mengikut budibicara pegawai KoBPM, dibayar dengan serta merta setelah KoBPM berpuas hati di atas kesahihan permohonan itu.

13.0 PENGANTUNGAN BANTUAN

13.1 Jika kedudukan kewangan TKA ini mengalami kesulitan, maka ALK boleh menggantung bantuan sehingga masalah kewangan itu dapat dipulihkan semula.

13.2 Anggota Koperasi hendaklah diberitahu melalui surat pekeliling mengenai penggantungan atau pemulihan semula TKA ini.


14.0 PEMBATALAN ATURAN DAN PEKELILING LAMA

Dengan kelulusan dan penerimaan pakai aturan ini melalui MAT maka segala aturan dan arahan serta pekeliling terdahulu sekiranya ada, adalah terbatal.

Peraturan ini telah diterima dan dipersetujui di dalam MAT KoBPM Kali Ke 23 pada 26 Oktober 2019.


Yang benar

KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA(KoBPM) BERHAD



SETIAUSAHA KoBPM

CARTA ALIR TABUNG KEBAJIKAN ANGGOTA





KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

No. Pendaftaran : (4981)
No. 12A , Jalan TTDI Groves 1/2, Taman TTDI Grove, 43000 Kajang , Selangor
No. Te l: 03 8733 2705 / 2597
No. Faks : 03 8733 0427 Email : admin@koopbpm.com.my

KOOPBPM/UKRPA03

PERMOHONAN KEBAJIKAN ANGGOTA

A. MAKLUMAT ANGGOTA / PEMOHON

Nama Anggota : No. Anggota:
Jab/Bhg/Caw : No. H/P: No. Akaun :

B. MAKLUMAT PENUNTUT / PENERIMA SUMBANGAN

Nama : No. H/P:
hubungan Dengan Anggota :
Alamat :
.....

i) DERMASISWA

UPSR		PT3		SPM		STPM	
------	--	-----	--	-----	--	------	--

(Tandakan (/) di ruang berkenaan)

Keputusan Peperiksaan :

ii) MELANJUTKAN PELAJARAN

Perhubungan dengan Anggota

Diri Sendiri		Anak	Tahun
--------------	--	------	-------

 Pengajian :
(Tandakan (/) di ruang berkenaan)

Institut Pelajaran Tinggi (IPT) :

Tahap Pengajian

Matrik		Diploma		Ijazah/Sarjana		PHD	
--------	--	---------	--	----------------	--	-----	--

(Tandakan (/) di ruang berkenaan)

Jenis Pengajian

Sepenuh Masa		Separuh Masa	
--------------	--	--------------	--

(Tandakan (/) di ruang berkenaan)

iii) **SUMBANGAN KHAIRAT KEMATIAN**

Anggota		Anak/Pasangan Anggota	
---------	--	-----------------------	--

(Tandakan (/) di ruang berkenaan)

Nama anak / pasangan :

Umur :

iv) **SUMBANGAN MENGERJAKAN FARDHU HAJI (SEKALI SEUMUR HIDUP)**

RM300	
-------	--

v) **SUMBANGAN BENCANA ALAM**

Jenis Bencana Alam :

Jumlah Kerugian (RM):

DOKUMEN SOKONGAN

Bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen yang disahkan:
(Tandakan (/) di ruang berkenaan)

DERMASISWA

Salinan Kad pengenalan Anggota -1 salinan ()

Salinan Sijil Kelahiran Anak -1 salinan ()

Salinan Kad pengenalan Anak -1 salinan ()

Salinan Keputusan peperiksaan -1 salinan ()

MELANJUTKAN PELAJARAN

Salinan Kad pengenalan Anggota - 1 salinan ()

Salinan Sijil Kelahiran Anak -1 salinan ()

Salinan Kad pengenalan Anak -1 salinan ()

Salinan Surat Tawaran & bukti kemasukan ke IPTA/IPTS yang berkaitan -1 salinan ()

SUMBANGAN KHAIRAT KEMATIAN

ANGGOTA :

Sijil Kematian -1 salinan ()

Salinan Buku Bank -1 salinan ()

PASANGAN /ANAK :

Sijil Kematian -1 salinan ()

Salinan Surat Nikah (Pasangan) -1 salinan ()

Salinan sijil kelahiran (anak) -1 salinan ()

BENCANA ALAM

Laporan polis -1 salinan ()

Salinan Kad pengenalan Anggota -1 salinan ()

Bukti-bukti berkenaan -1 salinan ()

JIKA PERLU,SURAT AKUAN SUMPAAH PERLU DISEDIAKAN ATAS MANA-MANA PERMOHONAN

Dengan ini saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberi di atas adalah benar.

Tarikh :

.....
()

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

C. SEMAKAN / PROSES

Status Keanggotaan

Aktif	<input type="checkbox"/>	Tidak Aktif	<input type="checkbox"/>
-------	--------------------------	-------------	--------------------------

Tarikh hantar borang lengkap :

Kesahihan anak

Ya	<input type="checkbox"/>	Tidak	<input type="checkbox"/>
----	--------------------------	-------	--------------------------

Menerima Sumbangan

Ya	<input type="checkbox"/>	Tidak	<input type="checkbox"/>
----	--------------------------	-------	--------------------------

Bila Diberi

<input type="text"/>

Peperiksaan Menengah Rendah	Tahap	UPSR	PT3	SPM	STPM
	Kelayakan minima	4A	6A	Gred 1 (15 Agg)	3 Principal
	Keputusan diperolehi				
Kelayakan		RM80	RM120	RM150	RM180

Kelayakan sumbangan IPT	Sepenuh masa RM400	<input type="checkbox"/>	Separuh masa RM250	<input type="checkbox"/>
-------------------------	-----------------------	--------------------------	-----------------------	--------------------------

JUMLAH KELAYAKAN : RM

DISEDIAKAN OLEH :

TARIKH :

D. Sokongan

Lulus	<input type="checkbox"/>	Tolak	<input type="checkbox"/>
-------	--------------------------	-------	--------------------------

Bajet Tahunan a) Baki Peruntukan
b) Tuntutan Inl
c) Baki peruntukan b/k

<input type="text"/>
<input type="text"/>
<input type="text"/>

DISOKONG OLEH :

TARIKH :

E. KEPUTUSAN

LULUS	<input type="checkbox"/>	TOLAK	<input type="checkbox"/>
-------	--------------------------	-------	--------------------------

Melalui Mesyuarat Jawantankuasa Pengurusan Dan Khidmat Anggota (JPKA) / ALK Bil :

.....
AJK JPKA
TARIKH :

.....
PENGERUSI JPKA
TARIKH :

Untuk terbuka spm kelayakan minima adalah kumpulan skor markah tidak melebihi 15 dengan campuran skor bagi :

- A+,A= 1
- A-= 2
- B+,B= 3
- B-= 4
- C+,C= 5
- C-= 6
- D+,D= 7
- D-= 8
- Campuran 6 subjek terbaik